



**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN LESEN MENCETAK  
TEKS AL-QUR'AN  
AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986  
(PINDAAN) 2023  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

---

**LEMBAGA PENGAWALAN DAN PELESENAN PENCETAKAN AL-QUR'AN**

**GARIS PANDUAN**  
**PERMOHONAN LESEN MENCETAK TEKS AL-QUR'AN**  
**AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986 (PINDAAN) 2023**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**1. Tujuan**

Dokumen ini disediakan adalah sebagai panduan bagi pencetakan Al-Qur'an untuk tujuan permohonan lesen mencetak teks Al-Qur'an selaras Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Pindaan) 2023 yang telah berkuatkuasa pada 1 September 2023. Berdasarkan Peruntukan di bawah seksyen 5 (1) Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Pindaan) 2023, yang membawa maksud tiada seorang pun boleh mencetak atau membantu dalam pencetakan atau menerbitkan atau membantu dalam penerbitan sesuatu teks Al-Qur'an tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri. Garis panduan ini merupakan rujukan kepada pihak-pihak seperti berikut:

- a. Pihak-pihak syarikat/persatuan/individu dan lain-lain yang terlibat dengan pencetakan dan membantu dalam pencetakan teks/bahan Al-Qur'an;
- b. Pihak-pihak syarikat/persatuan/individu dan lain-lain yang terlibat dengan penerbitan dan membantu dalam penerbitan teks/bahan Al-Qur'an; dan
- c. Agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat Persekutuan dan Negeri yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang berdasarkan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (pindaan) 2023.

**2. Tafsiran**

Dalam Garis Panduan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

“lesen mencetak teks Al-Qur'an” ertinya lesen yang dikeluarkan kepada syarikat pencetakan Al-Qur'an atau mana-mana pihak oleh Lembaga di bawah seksyen 5 APTQ 1986 (Pindaan) 2023.

“membantu dalam pencetakan” termasuklah proses pencetakan, pemotongan, penjilidan, pemasangan kulit muka depan, pembungkusan, pengedaran, pengangkutan, pemuliaan (pelupusan), pengimportan dan penjualan teks/bahan Al-Qur’an.

“membantu dalam penerbitan” termasuklah proses penyuntingan, *design graphic dan layout*, penyiapan naskah, pencetakan, pengedaran, pemasaran pengangkutan, pengimportan dan penjualan teks/bahan Al-Qur’an.

### **3. Syarat-syarat permohonan**

Setiap permohonan hendaklah memenuhi syarat – syarat berikut:

- a. Pemohon beragama Islam.
- b. Syarikat dimiliki oleh orang Islam sepenuhnya.
- c. Syarikat berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia/Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- d. Syarikat mestilah memiliki Lesen Mesin Cetak di bawah AMCP 1984.
- e. Bagi syarikat yang mempunyai setiausaha, setiausaha syarikat mestilah beragama Islam.
- f. Syarikat mesti mempunyai dua orang Panel Perunding Al-Quran - sekurang-kurangnya bekelulusan Diploma Tahfiz Al-Qur’an dan Qiraat atau sijil setaraf dengannya.
- g. Pekerja yang membantu dalam mestilah beragama Islam sahaja.
- h. Syarikat mesti mempunyai keupayaan sepenuhnya dalam kerja-kerja pencetakan, pemotongan, penjilidan, pemasangan kulit muka depan,

pembungkusan, pengedaran, pengangkutan, pemuliaan (pelupusan) dan penjualan teks/bahan Al-Qur'an.

- i. Syarikat yang perlu menggunakan perkhidmatan syarikat lain untuk membantu dalam pemuliaan (pelupusan) mestilah memastikan syarikat tersebut dimiliki oleh orang Islam dan dikendalikan oleh pekerja Islam sahaja.
- j. Syarikat tidak boleh menggunakan perkhidmatan syarikat lain untuk membantu dalam pemuliaan (pelupusan) melainkan dengan kebenaran Lembaga.
- k. Syarikat mesti mempunyai tempat pemuliaan (pelupusan) teks Al-Qur'an atau menggunakan perkhidmatan pelupusan yang diiktiraf oleh Majlis Agama Islam Negara/Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Alam Sekitar serta mematuhi perundangan dan peraturan pihak berkuasa berkaitan.
- l. Premis/kilang hendaklah berkeadaan suci dan bersih mengikut hukum syarak.

#### **4. Prosedur permohonan lesen mencetal Al-Qur'an**

- a. Permohonan secara dalam talian dalam Sistem Pengurusan Teks Al-Qur'an (UPQ) melalui laman sesawang KDN: <https://epq.kdn.gov.my/upq/>.
- b. Memuat naik (upload) maklumat seperti berikut:
  - i. Salinan kad pengenalan pemohon.
  - ii. Salinan Lesen Mesin Cetak (LMC) di bawah AMCP 1984 yang masih sah.
  - iii. Surat Pelantikan dan sijil kelayakan akademik dua orang Panel Perunding Al-Quran.
  - iv. Salinan Sijil Modul Profesionalisme Panel Perunding Al-Qur'an KDN.

- v. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia/Suruhanjaya Koperasi Malaysia/Perniagaan Terkini - Borang 9, 24 & 49 atau Borang B & D.
  - vi. Senarai Nama Pekerja beserta Penyata KWSP bagi tempoh 3 bulan terkini.
  - vii. Salinan proses kerja dan carta alir lengkap penghasilan pencetakan teks Al-Qur'an.
- c. Pemeriksaan verifikasi terhadap premis akan dilakukan selepas menerima permohonan yang lengkap.
  - d. Laporan pemeriksaan terhadap syarikat dibentangkan kepada Lembaga untuk keputusan.
  - e. Laporan beserta keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada syarikat dalam tempoh 7 hari dari tarikh Mesyuarat Lembaga.

## **5. Syarat-syarat bagi premis/kilang pencetakan Al-Qur'an**

- a. Memastikan kebersihan dan kesucian kawasan premis/kilang mengikut hukum syarak.
- b. Pihak pentadbiran dan operasi mestilah berpengetahuan dalam pengendalian dan penjagaan terhadap teks/bahan Al-Qur'an.
- c. Memastikan Garis Panduan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (APTQ) 1986 dipatuhi sepenuhnya.
- d. Mempunyai prosedur kerja dan carta alir lengkap penghasilan pencetakan teks Al-Qur'an.
- e. Memastikan syarikat menyediakan dokumen yang berkaitan dan rekod dikemaskini serta mudah untuk dirujuk.

- f. Memastikan ruang khas dan kelengkapan yang bersesuaian bagi setiap proses pencetakan, penyimpanan dan pemuliaan (pelupusan) Al-Qur'an.

## **6. Fi/bayaran permohonan**

- a. Fi/bayaran sebanyak **RM 300.00** bagi setiap permohonan.
- b. Bayaran hendaklah dalam bentuk **wang pos atau bank draf** atas nama **“Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri”**

Permohonan bayaran hendaklah dikemukakan kepada:

Unit Kewangan, Seksyen Khidmat Pengurusan  
Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan,  
Kementerian Dalam Negeri

Resit bayaran hendaklah diserahkan kepada:

Seksyen Penyelidikan dan Pelesenan  
Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan,  
Kementerian Dalam Negeri

## **7. Keputusan permohonan lesen mencetak Al-Qur'an**

Keputusan Permohonan Lesen Mencetak Al-Qur'an akan diberikan dalam tempoh 7 hari dari tarikh Mesyuarat Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Qur'an (LPPPQ).

## **8. Tempoh sah laku lesen mencetak Al-Qur'an**

Sah laku lesen adalah sehingga dibatalkan. Walau bagaimanapun pemeriksaan semula lesen boleh dilaksanakan setiap 3 tahun dalam tempoh kelulusan.

## 9. Syarat-syarat lesen mencetak Al-Qur'an (Borang B)

- a. Lesen yang asal hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis pada alamat yang tertera pada lesen.
- b. Alamat di mana teks dan bahan Al-Qur'an dicetak tidak boleh ditukar melainkan dengan kebenaran Lembaga.
- c. Perpindahan atau pertukaran alamat hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga.
- d. Perpindahan dan pertukaran akan menyebabkan lesen terbatal dan pemegang lesen perlu mengemukakan permohonan lesen baharu.
- e. Lesen lama yang terbatal perlu diserahkan kepada Lembaga.
- f. Lesen tidak boleh dengan apa-apa cara dipindahkan, diserahkan atau selainnya diletakkan di bawah mana-mana orang lain daripada pemegang lesen tanpa kebenaran Lembaga.
- g. Sekiranya pemegang lesen adalah suatu pengkongsian:
  - i. Mana-mana pekongsi tidak boleh ditukar tanpa persetujuan Lembaga.
  - ii. Mana-mana pengarah tidak boleh ditukar tanpa persetujuan Lembaga.
- h. Pemegang Lesen dikehendaki untuk mematuhi dan tidak melanggar apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- i. Pemegang Lesen hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas teks dan bahan Al-Qur'an yang dicetak.
- j. Syarat-syarat lesen boleh dipinda pada bila-bila masa melalui pemberitahuan secara bertulis oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an kepada pemegang lesen.

- k. Pegawai Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an berhak melawat pencetak di mana lesen perlu dikeluarkan dan berhak mengambil helaian atau cebisan Al-Qur'an yang difikirkan perlu.

## **10. Syarat-syarat tambahan selepas permohonan diluluskan**

- a. Pemegang lesen hendaklah memastikan pematuhan terhadap peruntukan di bawah Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Pindaan) 2023, Peraturan-peraturan Percetakan Teks Al-Qur'an 1986 dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- b. Pemegang lesen hendaklah memastikan semua teks Al-Qur'an yang akan dicetak telah dikemukakan untuk semakan dan mendapat Perakuan Betul Pruf Akhir Teks Al-Qur'an dari Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an.
- c. Pemegang lesen hendaklah memastikan proses kerja berkaitan dengan pencetakan, pemotongan, penjilidan, pemasangan kulit muka depan, pembungkusan, pengedaran, pengangkutan, pemuliaan (pelupusan) dan penjualan teks/bahan Al-Qur'an adalah dilakukan oleh mereka yang beragama Islam dan sentiasa menjaga kemuliaan ayat-ayat Al-Qur'an.
- d. Pemegang lesen yang perlu menggunakan perkhidmatan syarikat lain untuk membantu dalam pencetakan mestilah memastikan syarikat tersebut dimiliki oleh orang Islam dan dikendalikan oleh pekerja Islam sahaja.
- e. Pemegang lesen tidak boleh menggunakan perkhidmatan syarikat lain untuk membantu dalam pencetakan melainkan dengan kebenaran Lembaga.
- f. Pemegang lesen hendaklah memberi salinan surat kontrak syarikat perkhidmatan penjilidan teks Al-Qur'an (jika menggunakan khidmat luar).



- g. Pemegang lesen hendaklah memberi salinan surat kontrak syarikat perkhidmatan pemuliaan (pelupusan) teks Al-Qur'an (jika menggunakan khidmat luar).
- h. Lesen mencetak teks Al-Qur'an bagi kilang Al-Qur'an yang telah mendapat kelulusan untuk mencetak teks/bahan Al-Qur'an tetapi tidak beroperasi selama dalam tempoh lebih 2 tahun akan terbatal dengan sendiri.

## **11. Penutup**

Adalah diharapkan penerbitan Garis Panduan ini dapat menjadi panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam pencetakan Al-Quran dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing selaras dengan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Pindaan) 2023. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila layari [www.moha.gov.my](http://www.moha.gov.my) atau hubungi Seksyen Regulatori Al-Quran dan Hadith, Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 5, Blok D1, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya.

# CARTA ALIR

## PROSES PERMOHONAN LESEN MENCETAK TEKS AL-QUR'AN (LMCQ)

### KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**TANGGUNGJAWAB/ TINDAKAN**

**PROSES KERJA**

